

GLOSARI

GLOSSARY

1. AHLI/MEMBER

Ahli KWSP menurut Akta KWSP adalah seseorang yang mempunyai akaun dan simpanan dengan KWSP. Ahli KWSP terdiri daripada pekerja sektor swasta, pekerja tidak berpenyen di sektor awam dan mereka yang telah memilih untuk mencarum.

An EPF member according to the EPF Act is an individual who has an account and savings with the EPF. EPF members comprise private and non-pensionable public sector employees and those who have opted to contribute.

2. AKAUN 1/ACCOUNT 1

70 peratus daripada simpanan dan khusus untuk persaraan.

70 per cent of a member's savings, specifically for retirement only.

3. AKAUN 2/ACCOUNT 2

30 peratus daripada simpanan dan khusus untuk pengeluaran pra-persaraan yang boleh menambah nilai kepada persaraan.

30 per cent of a member's savings, which can be utilised for pre-retirement withdrawals to enhance retirement well-being.

4. ALOKASI ASET STRATEGIK /STRATEGIC ASSET ALLOCATION (SAA)

Matlamat utama Alokasi Aset Strategik adalah untuk mewujudkan campuran aset yang akan menyediakan keseimbangan optimum antara risiko dan pulangan yang dijangka bagi pelaburan jangka panjang.

The primary goal of the EPF's Strategic Asset Allocation is to create an asset mix that will provide optimal balance between expected risk and return for a long-term investment horizon.

5. CARUMAN/CONTRIBUTION

Caruman bermaksud sejumlah wang yang dicarumkan kepada KWSP berdasarkan gaji bulanan seseorang pekerja. Caruman bulanan ini akan dimasukkan ke dalam akaun KWSP pekerja berkenaan. Caruman KWSP terdiri daripada caruman bahagian pekerja dan caruman bahagian majikan.

A contribution is the amount of money paid into a member's EPF account every month based on the monthly salary of the employee. EPF contributions are made up of the employee's and employer's share.

6. DIVIDEN/DIVIDEND

Semua simpanan di KWSP akan dibayar dividen sehingga ahli berumur 75 tahun. Dividen ke atas setiap akaun ahli dikira berdasarkan agregat baki harian (aggregate daily balance).

Savings in the EPF will be paid dividends until the member reaches the age of 75. The dividend for every member's account is calculated based on aggregate daily balance.

7. i-Akaun

i-Akaun merujuk kepada akaun KWSP Ahli atau Majikan secara online.

i-Akaun refers to a member's or employer's EPF online account.

8. MAJIKAN/*EMPLOYER*

Majikan adalah pihak yang mengambil pekerja untuk bekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan atau perantisan. Ini termasuk:

- Pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab membayar gaji atau upah seseorang pekerja;
- Mana-mana kumpulan orang, sama ada berkanun atau tidak berkanun atau diperbadankan;
- Mana-mana kerajaan, jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, pihak-pihak berkuasa tempatan atau badan-badan lain yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Akta KWSP 1991.

An employer is a person or party who employs an employee to work under a contract of service or apprenticeship. Employers include:

- *Managers, agents or any persons responsible for the payment of wages to an employee;*
- *Any group of persons, whether statutory or non-statutory or incorporated;*
- *The government and any government department, statutory body, local authority or other body as specified in the Second Schedule of the EPF Act 1991.*

9. PEKERJA/*EMPLOYEE*

Individu yang diambil bekerja oleh majikan di bawah satu kontrak perkhidmatan atau perantisan.

An employee is a person employed by an employer under a contract of service or apprenticeship.

10. PENGELUARAN PRA-PERSARAAN/*PRE-RETIREMENT WITHDRAWALS*

Pengeluaran Pra-Persaraan merupakan pengeluaran yang boleh dibuat oleh ahli untuk mengeluarkan sebahagian simpanan mereka sebelum mencapai umur persaraan. Tujuannya adalah untuk membantu ahli membuat persediaan untuk persaraan.

Pre-Retirement Withdrawals are withdrawals that allow members to withdraw a certain amount from their savings before they reach the retirement age. This is to help them to prepare for retirement.

11. PENGELUARAN PERSARAAN/*RETIREMENT WITHDRAWAL*

Pengeluaran Persaraan merupakan pengeluaran yang boleh dibuat oleh ahli untuk mengeluarkan kesemua simpanan mereka apabila mencapai umur persaraan, kematian, hilang upaya, meninggalkan negara, pekerja berpencen atau bersara secara pilihan.

Retirement Withdrawal is a withdrawal that allows members to withdraw all of their savings upon reaching the retirement age, death, incapacitation, leaving country, pensionable employees or optional retirement.

12. PENAMAAN/*NOMINATION*

Satu pengisytiharan bertulis yang dibuat oleh ahli dalam Borang KWSP 4 bagi melantik atau menamakan seseorang atau mana-mana individu sebagai "benefisiari" atau bertindak sebagai wasi/pentadbir (bagi orang yang beragama Islam) ke atas simpanan KWSP ahli sekiranya ahli meninggal dunia.

Nomination is a written declaration in Form KWSP 4 to elect / nominate one or more individuals as beneficiaries or executors (wasi)/ administrators (for Muslims) of members' EPF savings upon their death.

13. PULANGAN PELABURAN /*RETURN ON INVESTMENT(ROI)*

Pulangan Pelaburan (ROI) adalah nisbah pendapatan yang diperoleh atau rugi terhadap saiz purata dana (pada kos) bagi tahun berkenaan.

Return on Investment (ROI) is the ratio of realised income gained or lost against the average fund size (at cost) for the year.

GLOSARI

GLOSSARY

14. SIMPANAN ASAS/*BASIC SAVINGS*

Simpanan Asas adalah amaun simpanan minimum ahli yang perlu ada menjelang umur 55 tahun untuk membiayai keperluan asas persaraan mereka. Berkuatkuasa pada 1 Januari 2014, Simpanan Asas telah dikaji semula daripada RM120,000 kepada RM196,800, bersamaan RM820 sebulan untuk tempoh 20 tahun dari umur 55 hingga 75 tahun.

Basic Savings refers to the minimum amount of savings members should have when they reach the age of 55 to finance their basic retirement needs. Effective 1 January 2014, the Basic Savings has been revised from RM120,000 to RM196,800, which is equivalent to RM820 per month for 20 years from age 55 to 75.

15. UPAH/*WAGES*

Semua saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada pekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan sama ada ia dipersetujui untuk dibayar secara bulanan, mingguan, harian atau selainnya.

All monetary remuneration due to an employee under his contract of service or apprenticeship, whether it was agreed to be paid monthly, weekly, daily or otherwise.



LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Bangunan KWSP
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Pusat Panggilan KWSP : 03 8922 6000

www.kwsp.gov.my



Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



KWSPBuzz



KWSPMalaysia